

**RISALAH PENDEDAHAN PRODUK****Insurans Bertempoh Menyusut Gadai Janji Berkumpulan (GMRTA)**

(Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Bertempoh Menyusut Gadai Janji Berkumpulan. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)

**1. Apakah produk ini?**

Pelan ini menawarkan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh perlindungan sebanyak **<tempoh>** tahun bagi seorang Hayat Diinsuranskan yang memperolehi pinjaman gadai janji dengan institusi kewangan dan ingin mendapatkan perlindungan daripada kejadian luar jangka untuk membayar balik apa-apa pinjaman gadai janji yang belum jelas. Pelan ini membayar sekaligus Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan sekiranya berlaku kematian atau dialami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh perlindungan insurans. Tambahan sebanyak 20% daripada Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan akan dibayar atas kematian akibat kemalangan.

Pelan ini tidak menyertai dalam pengagihan keuntungan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. ("Syarikat").

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?**

Pelan ini melindungi:

- Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)\* - Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan seperti yang ditunjukkan di Sebut Harga. Amaun ini akan menyusut sepanjang tempoh perlindungan.
- Kematian Akibat Kemalangan\* - Tambahan 20% daripada Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan akan dibayar sekali gus.

\*Catatan:

- Perlindungan untuk Manfaat HUMK dan Kematian Akibat Kemalangan akan berhenti pada akhir tahun perlindungan berikut dengan Hayat Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun.
- Had maksimum untuk Manfaat HUMK adalah RM 8,000,000 di bawah semua polisi bagi Hayat Diinsuranskan yang sama.
- Bayaran jumlah tambahan maksimum untuk Manfaat Kematian Akibat Kemalangan adalah RM 10,000,000 di bawah semua polisi bagi Hayat Diinsuranskan yang sama.

Tempoh: Sehingga berlakunya kematian, HUMK, serahan, tempoh perlindungan selama **<tempoh>** tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Pelan ini juga melindungi:

- Faedah Keluarga Tambahan Rider – ansuran 12 bulan sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan Permulaan akan dibayar apabila Hayat Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami HUMK.
- Tiada rider disertakan.

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Premium Tunggal yang anda perlu bayar mungkin berbeza-beza mengikut keperluan penanggungjaminan syarikat insurans.

• Anggaran Premium Tunggal yang anda perlu bayar:

- |  |             |
|--|-------------|
| <input type="checkbox"/> GMRTA sahaja (Premium Disatukan)  | RM <Jumlah> |
| <input type="checkbox"/> GMRTA sahaja (Premium Tidak Disatukan)                                    | RM <Jumlah> |
| <input type="checkbox"/> GMRTA disertakan Faedah Keluarga Tambahan Rider (Premium Disatukan)       | RM <Jumlah> |
| <input type="checkbox"/> GMRTA disertakan Faedah Keluarga Tambahan Rider (Premium Tidak Disatukan) | RM <Jumlah> |

**4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?**

- Komisen wakil jualan

Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Premium Tunggal berdasarkan pelan berikut:

Pelan	Premium Tunggal (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
GMRTA sahaja (Premium Disatukan)	RM <Jumlah>	10%	RM <Jumlah>
GMRTA sahaja (Premium Tidak Disatukan)	RM <Jumlah>	10%	RM <Jumlah>
GMRTA disertakan Faedah Keluarga Tambahan Rider (Premium Disatukan)	RM <Jumlah>	10%	RM <Jumlah>
GMRTA disertakan Faedah Keluarga Tambahan Rider (Premium Tidak Disatukan)	RM <Jumlah>	10%	RM <Jumlah>

**5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang – anda boleh meminta untuk membatalkan perlindungan insurans anda dengan mengembalikan Sijil Insurans kepada Pemilik Polisi dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran Sijil Insurans tersebut. Premium Tunggal yang telah dibayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans / Kontrak Polisi untuk terma dan syarat di bawah pelan ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?**

- Kematian
  - Membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Insurans.
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
  - Percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
  - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
  - Kecederaan semasa melibatkan diri dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, menyelam skuba dan sukan berbahaya atau sebarang pertandingan daya ketahanan;
  - Sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang atau krew untuk kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang untuk perjalanan komersial berjadual biasa);
  - Pelayaran kapal selam;
  - Penglibatan Hayat Diinsuranskan dalam kegiatan jenayah;
  - Peperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, serangan atau kegiatan pengganas;
  - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut atau aeronautik;
  - Sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Kuat Kuasa Insurans; atau
  - Tindak balas tenaga nuklear, radiasi dan kontaminasi.
- Kematian Akibat Kemalangan
  - Sebarang bentuk penyakit akibat bukan sebab kemalangan;
  - Percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
  - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
  - Kecederaan semasa melibatkan diri dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, menyelam skuba dan sukan berbahaya atau sebarang pertandingan daya ketahanan;
  - Sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang atau krew untuk kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang untuk perjalanan komersial berjadual biasa);
  - Pelayaran kapal selam;
  - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut atau aeronautik;
  - Penglibatan Hayat Diinsuranskan dalam kegiatan jenayah;
  - Pemulihan ketenteraan awam atau membuat penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
  - Peperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, serangan atau kegiatan pengganas;
  - Keadaan yang sedia ada;
  - Hernia, ptomaines, atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik yang berlaku dengan dan melalui pemotongan kemalangan atau luka); atau
  - Racun, gas, asap (secara sukarela atau tidak sengaja, sengaja atau tidak diambil, diberikan, diserap atau dihirup).

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans / Kontrak Polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Polisi ini boleh dibatalkan untuk mendapatkan Nilai Serahan. Selepas penyelesaian pinjam awal, perlindungan anda akan diteruskan sepanjang baki tempoh asal perlindungan, melainkan arahan anda kepada Pemilik Polisi untuk menyerahkan pelan ini. Sila dimaklumkan bahawa Nilai Serahan (jika ada) adalah lebih kurang daripada amaun Premium Tunggal yang telah anda bayar.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan Syarikat tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Syarikat di:

**Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.**

**Ground Floor, Menara Tokio Marine Life**

**189, Jalan Tun Razak,**

**50400 Kuala Lumpur.**

**Talian Am** : 03-2059 6188

**Faks** : 03-2162 8068

**Nombor Khidmat Pelanggan** : 03-2603 3999

**E-mel** : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.**

Sila tanya Kami / wakil jualan untuk pelan seumpama yang Kami tawarkan.

**MAKLUMAN PENTING:**

**ANDA MESTILAH MEMASTIKAN BAHWAHWA LIABILITI KREDIT ANDA DIINSURANSKAN DALAM JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil insurans yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelan Insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika terdapat perenggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 18-Apr-2024.